

Pelajar baharu UNISSA mulakan Minggu Ta'aruf



PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (kiri) semasa menyampaikan ucapan amanat pada Minggu Ta'aruf Sesi Pengajian 2017 / 2018.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Julai. - Seramai 365 pelajar baharu akan memulakan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi Sesi Pengajian 2017 / 2018 yang diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad yang turut menyampaikan ucapan amanat dan seterusnya merasmikan Minggu Ta'aruf Sesi Pengajian 2017 / 2018.

Menurut beliau terdapat peningkatan sebanyak 12.65% kemasukan pelajar-pelajar ke UNISSA dan dari bilangan tersebut seramai 297 orang

(81.4%) akan mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda dan selebihnya sebanyak 18.6% mengikuti pengajian di peringkat Lepasan Ijazah.

Beliau seterusnya menambah, UNISSA mengalas amanah dan tanggungjawab yang amat besar dalam memperkasa dan memantapkan diri pelajar dan berperanan untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang dihasratkan dapat membantu dan menyumbang sebagai ejen Negara Zikir.

Para pelajar yang mengikuti Minggu Ta'aruf juga membaca ikrar yang telah diketuai oleh Awang Khairul Muhtadee bin Hamzah.

Sepanjang Minggu Ta'aruf

dijalankan, ia akan diisi dengan taklimat-taklimat pentadbiran dan akademik universiti, di samping diselitkan dengan program-program kerohanian, motivasi dan khidmat masyarakat yang dikendalikan oleh Majlis Perwakilan Pelajar.

UNISSA yang terletak di Jalan Pasar Baharu Gadong, merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi negara yang melahirkan mahasiswa, mahasiswi Universiti Islam yang tulen sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 2007.

BACAAN ikrar pelajar-pelajar baharu UNISSA Sesi Pengajian 2017 / 2018 dipimpin oleh Awang Khairul Muhtadee bin Hamzah.



Pertukaran pelajar Universiti Kagawa Jepun - UBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Isnin, 24 Julai. - Seramai lapan mahasiswa dari Fakulti Perubatan Universiti Kagawa Jepun menghadiri Program Sekolah Perubatan Musim Panas Antarabangsa Ke-11 di Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang dianjurkan oleh Institut Sains Perubatan, Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), UBD.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Program tersebut diadakan di Dewan Kuliah, Institut Sains Perubatan, PAPRSB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program berkaitan ialah Kuasa Usaha, Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam, Dr. Toshio Kaneko.

Terdahulu, Dr. Toshio Kaneko dalam ucapan alu-aluannya berkata Program Sekolah Perubatan musim panas Antarabangsa ini telah diadakan setiap tahun bermula dari tahun 2006 dan merupakan sebahagian daripada program kerjasama antara Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD dan Fakulti Perubatan, Universiti Kagawa.

Menurutnya, pertukaran ini dapat memberikan kesempatan keemasan untuk terus mengembangkan pemahaman bersama di antara Jepun dan Brunei Darussalam.

Katanya, sejarah hubungan antara UBD dan Universiti Kagawa kini menjadi salah satu universiti Jepun yang terkenal di Brunei. Pada bulan Februari 2017, Universiti Kagawa



ANTARA mahasiswa dari Fakulti Perubatan Universiti Kagawa Jepun yang menghadiri Program Sekolah Perubatan Musim Panas Antarabangsa Ke-11 di Universiti Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Institut Sains Perubatan, Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), UBD.

menghadiri Expo Pendidikan Tinggi Brunei 2017 dan memperkenalkan universiti bukan sahaja dalam bidang Sains Kesihatan tetapi juga bidang lain kepada pengunjung

Brunei.

"Saya berharap Universiti Kagawa akan membina kejayaan ekspo dan kerjasamanya dengan UBD serta akan maju sebagai salah satu destinasi

paling popular untuk belajar dalam kalangan orang muda Brunei. Perkongsian antara UBD dan Universiti Kagawa tidak terhad kepada pertukaran," jelasnya.